



KEMENTERIAN
DALAM NEGERI



GARIS PANDUAN BELIA: MEMBANTERAS PEMERDAGANGAN ORANG DAN PENSYELUDUPAN MIGRAN

GARIS PANDUAN BELIA MEMBANTERAS PEMERDAGANGAN ORANG DAN PENYELUDUPAN MIGRAN

Garis Panduan ini disediakan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) bersama Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) dan Alumni Parlimen Belia Malaysia (APBM)

Data Pengkatalogan-Dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia

Jabatan Belia dan Sukan Negara,
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
Aras 14, Menara KBS
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 WP Putrajaya

Tel	: +603-88713000
Faxs	: +603-88888761
Laman Web	: www.jbsn.gov.my

KANDUNGAN

PENGENALAN.....	1
Pendahuluan.....	2
Siapa Yang Perlu Ambil Tahu?.....	3
PENGENALAN KEPADA AKTA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN (ATIPSOM 2007).....	5
Apa Itu Dagang dan Seludup?.....	6
Apa Itu NAPTIP?.....	7
Perancangan NAPTIP 3.0.....	7
JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN PENYELUDUPAN MIGRAN.....	8
Bagaimana Jenayah Ini Terjadi?.....	9
Elemen Dalam Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran.....	9
Pemerdagangan Orang VS Penyeludupan Migran.....	10
Titik Panas Jenayah.....	11
KESAN TERHADAP BELIA YANG MENJADI MANGSA.....	12
AGENSI YANG TERLIBAT DENGAN PENGUATKUASAAN AKTA ATIPSOM 2007.....	14
Jenis-Jenis Kesalahan Yang Boleh Disabitkan Dalam ATIPSOM 2007.....	17
Mengapakah Pemerdagangan Orang Salah dan Wajar Disekat?.....	20
LANGKAH PENCEGAHAN.....	21
Peranan Belia.....	22
Peranan Pertubuhan Belia.....	23
Peranan Kerajaan.....	24
PENUTUP.....	25

PENGENALAN

Penerbitan Garis Panduan Belia Membanteras Jenayah Perdagangan Orang dan Penyeludupan Migran ini merupakan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS), Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) serta Alumni Parlimen Belia Malaysia.



PENDAHULUAN

Garis panduan ini merupakan hasil dapatan pelaksanaan Bengkel Garis Panduan Belia Membanteras Pmerdagangan Orang Dan Penyeludupan Migran anjuran Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) dengan kerjasama Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) serta Alumni Parlimen Belia Malaysia (APBM)

Pemerdagangan Orang:

Segala perbuatan yang melibatkan pemerolehan atau pengekalan tenaga kerja atau perkhidmatan seseorang melalui perbuatan merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang bagi maksud Akta 670, eksploitasi dengan cara yang berikut:

- (a) Ancaman atau penggunaan kekerasan atau bentuk paksaan yang lain
- (b) Pemerlarian
- (c) Fraud
- (d) Perdayaan
- (e) Penyalahgunaan kuasa
- (f) Penyalahgunaan kedudukan orang yang mudah terdedah kepada bahaya perbuatan pemerdagangan orang; atau
- (g) Pemberian atau penerimaan bayaran atau faedah untuk memperoleh kerelaan seseorang yang mempunyai kawalan ke atas orang yang diperdagangkan

(Sumber: Kementerian Dalam Negeri)

Penyeludupan Migran:

Mengatur, memudahkan atau merancang secara langsung atau tidak langsung kemasukan atau melalui atau mengeluarkan seseorang secara tidak sah dari mana-mana negara.

(Sumber: Kementerian Dalam Negeri)

TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk memberi maklumat dan advokasi kesedaran peranan yang boleh diambil belia terhadap usaha membanteras jenayah rentas sempadan ini yang boleh memudaratkan diri, keluarga, bangsa serta menggugat keselamatan negara. Selain itu, ia juga bertujuan membantu memberi gambaran dan panduan terhadap peranan belia dalam membanteras jenayah ini.

SIAPA YANG PERLU AMBIL TAHU?

BELIA

Individu berumur 15 hingga 40 tahun (Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 – Akta 668). Statistik pada tahun 2021 menunjukkan daripada 32.6 juta rakyat Malaysia, lebih 15 juta adalah dalam kategori belia.

8 kumpulan sasaran belia di bawah Dasar Belia Malaysia :

1 Belia Bersekolah: Belia yang menuntut di peringkat sekolah menengah

2 Belia Pengajian Tinggi: Belia yang menyambung pelajaran di peringkat pengajian tinggi merangkumi universiti awam atau swasta, institusi latihan kemahiran awam atau swasta, politeknik, kolej komuniti dan kursus profesional

3 Belia Bekerjaya: Belia yang bekerja dalam pelbagai lapangan atau bidang

4 Perkumpulan Belia: Terbahagi kepada dua iaitu belia yang menjadi ahli berdaftar di bawah mana-mana pertubuhan berdaftar dan belia yang menjadi ahli kumpulan berdasarkan minat.

5 Belia Massa: Merangkumi belia bandar, belia luar bandar, belia kaum utama, ikon belia, keluarga muda dan ibu bapa muda.

6 Belia Malaysia Antarabangsa: Merangkumi belia yang sedang bekerja dan belajar di luar negara dan belia yang pernah bekerja dan belajar di luar negara

7 Belia Minoriti dan Golongan Terpinggir: Terbahagi kepada 2 kategori iaitu pertama, belia minoriti seperti orang asli dan Orang Kurang Upaya (OKU) dan kedua, golongan terpinggir iaitu anak yatim, miskin, gelandangan, ibu bapa tunggal dan ibu bapa bawah umur.

8 Belia Berisiko: Belia yang tergolong antaranya sebagai pesakit muda, bakal pesakit muda, tercidir dari sistem persekolahan, tidak bekerjaya, mangsa dera, bekas banduan, banduan, anak banduan, mufliis, bakal mufliis, bekas mufliis, perokok, peminum arak, penagih dadah, bekas penagih dadah, pelumba haram, kecelaruan identiti, penyeludup dan belia di sempadan.

MENGAPA BELIA PERLU AMBIL TAHU?

Kerana belia mewakili 30%-46% penduduk Malaysia

STATISTIK BELIA MENGIKUT KUMPULAN UMUR 15-30 TAHUN DAN 15-40 TAHUN

TAHUN	Jumlah Penduduk (Juta)	15-30 Tahun		15-40 Tahun	
		Bilangan (Juta)	Peratus (%)	Bilangan (Juta)	Peratus (%)
2019	32.5	9.9	30.5%	15.1	46.5%
2020	32.6	9.8	30.1%	15.1	46.2%
2021	32.7	9.7	29.6%	15.0	45.9%

Nota:

Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun berasaskan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010



PENGENALAN KEPADA AKTA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN IMIGRAN (ATIPSOM 2007)



5

PENGENALAN KEPADA AKTA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN (ATIPSOM 2007)

Apa itu Dagang Dan Seludup?

Barangan untuk diperniagakan, barang jualan:

DAGANG

SUMBER : (kamus Dewan Edisi Keempat)



Masuk (sesuatu kawasan dan lain-lain) secara haram


SELUDUP

SUMBER : (kamus Dewan Edisi Keempat)




Apa itu ATIPSOM 2007 ?

Akta ATIPSOM 2007 merupakan peruntukan perundangan utama yang diguna pakai semenjak tahun 2008 bagi mengawal dan mengekang jenayah pmerdagangan orang dan penyeludupan migran dari terus berleluasa di negara ini.



APA ITU NAPTIP 3.0?

Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang 2021-2025 atau NAPTIP 3.0 merupakan dokumen strategik yang menggariskan segala perancangan dan usaha bagi membanteras pemerdagangan orang di Malaysia dan merupakan satu sumber rujukan dasar yang memaklumkan mengenai prinsip panduan, matlamat strategik serta tindakan yang dicadangkan untuk dilaksanakan. Dasar dan program yang digariskan dalam NAPTIP 3.0 membuktikan komitmen berterusan pihak kerajaan dalam memastikan maruah dan hak asasi manusia dijunjung, dihargai dan dihormati.



PERANCANGAN NAPTIP 3.0

NAPTIP 3.0 telah meletakkan elemen pencegahan sebagai salah satu strategi dalam usaha untuk membanteras jenayah pemerdagangan orang.



JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN PENYELUDUPAN MIGRAN



8

BAGAIMANA JENAYAH INI TERJADI?

Pemerdagangan Orang:

Disebabkan wujud permintaan yang tinggi terhadap eksploitasi manusia sejak dahulu lagi, jenayah ini sentiasa menjadi suatu jenayah yang strategik dan terancang bagi mengaut keuntungan. Orang yang diperdagangkan itu seumpama hamba yang dijual atau digunakan sebagai komoditi dan buruh paksa.



Penyeludupan Migran:

Penyeludupan migran merupakan aktiviti jenayah rentas sempadan di mana Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) mengupah orang perseorangan atau organisasi penjenayah untuk memasuki sempadan Malaysia secara haram.

Elemen Dalam Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran



AKTIVITI

- Merekrut
- Mengangkut
- Memindahkan
- Melindungi
- Menyediakan
- Menerima



CARA

- Ancaman atau kekerasan
- Pemelarian
- Fraud
- Perdayaan
- Penyalahgunaan Kuasa
- Penyalahgunaan kedudukan golongan rentan
- Pemberian/penerimaan faedah untuk dapatkan kerelaan seseorang di bawah kawalan seorang itu



TUJUAN


- Eksplotasi seks
- Perhambaan
- Pengabdian
- Pejualan organ
- Khidmat paksa
- Aktiviti menyalahi undang-undang

PERBEZAAN DIANTARA PEMERDAGANGAN ORANG DAN PENYELUDUPAN MIGRAN

Perbezaan	Pemerdagangan Orang	Penyeludupan Migran
Eksplotasi/ Persetujuan	Eksplotasi (seksual, kerja paksa, perhambaan dan penjualan organ)	Persetujuan (tiada paksaan, penipuan, perhambaan)
Elemen Rentas Sempadan	Tanpa / Melibatkan rentas sempadan	Rentas sempadan (dengan cara tidak sah)
Mangsa VS Pesalah	Orang yang diperdagangkan adalah 'MANGSA'	Migran yang diseludup dikategorikan sebagai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)
Bentuk Kesalahan	i) Kesalahan melanggar hak asasi manusia seperti: • Eksplotasi Seks • Buruh paksa (bekerja melampaui batas, didera atau tidak dibayar gaji) ii) Menyalahi hak individu	i) Kesalahan melibatkan perundangan ATIPSOM 2007 / Akta Imigresen 1959 / 63 ii) Mengancam keselamatan dan kedaulatan negara
Protokol Antarabangsa	Protocol to prevent, suppress and punish trafficking in person, especially women and children.	Protocol against the smuggling of migrants by land, sea and air, supplementing the UN Convention Against Transnational Organized Crime.

TITIK PANAS JENAYAH

Peta di bawah memaparkan Malaysia sebagai lokasi transit keluar dan masuk mangsa penyeludupan migran dan pemerdagangan orang



Sumber: MyMetro

Peta Laluan Penyeludupan Migran

Geopolitik Malaysia yang strategik menjadikan negara ini antara destinasi bagi pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Sebahagian migran memasuki Malaysia secara sah. Namun ada juga yang memasuki negara ini melalui jalan tikus (secara haram)

KESAN TERHADAP BELIA YANG MENJADI MANGSA




12

KESAN TERHADAP BELIA SEBAGAI MANGSA

Keterlibatan belia dalam aspek jenayah pemerdagangan orang kebiasaannya melibatkan belia wanita dalam konteks mangsa pemerdagangan seks. Statistik dari tahun 2009 menunjukkan hampir 77% dari 3,815 kes pemerdagangan orang adalah melibatkan wanita. (Sumber: D3, PDRM)

Antara implikasi yang dikenali pasti memberi kesan terhadap belia adalah seperti berikut:




AGENSI YANG TERLIBAT DENGAN PENGUATKUASAAN AKTA ATIPSOM 2007



14


AGENSI YANG TERLIBAT DALAM MENGUATKUASAKAN AKTA ATIPSOM 2007

Selaras dengan penggubalan Akta ATIPSOM 2007, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) yang berperanan menyelaraskan pelaksanaan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran atau ATIPSOM (2007). MAPO turut berperanan untuk menyelaraskan dasar dan pelaksanaan program untuk mencegah serta memerangi jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran di Malaysia. MAPO berfungsi serta bertindak secara inklusif kerana dianggotai oleh pelbagai kementerian, agensi-agensi penguatkuasaan dan juga organisasi lain serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan.



Agensi Penguatkuasa yang menguatkuasakan Akta ATIPSOM 2007

Operasi penguatkuasaan dalam membanteras jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran melibatkan peranan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Tenaga Kerja (JTK) serta Jabatan Peguam Negara yang bertindak dalam elemen pendakwaan.



JENIS-JENIS KESALAHAN YANG BOLEH DISABITKAN DALAM ATIPSOM 2007

KESALAHAN-KESALAHAN PEMERDAGANGAN ORANG

SEKSYEN	KESALAHAN	PENALTI
12	Memperdagangkan orang yang bukan merupakan seorang kanak-kanak, bagi maksud eksploitasi	Apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua puluh (20) tahun, dan boleh juga dikenakan denda.
13	Memperdagangkan orang, yang bukan merupakan seorang kanak-kanak atau bukan seseorang yang tidak dapat menjaga atau melindungi dirinya sendiri sepenuhnya disebabkan kehilangan upaya atau keadaan fizikal atau mental yang mana-mana berikut terpakai baginya: (a) menyebabkan kecederaan parah; (b) menyebabkan kematian; (c) menyebabkan membunuh diri; (d) mendedahkan kepada penyakit yang mengancam nyawa; (f) melibatkan kepada sebahagian aktiviti kumpulan jenayah terancang; atau (f) melibatkan perlakuan oleh seorang pegawai awam yang menjalankan kewajipan awamnya.	Apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan seumur hidup (30 tahun) atau dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang lima (5) tahun, dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebatan.
14	Memperdagangkan kanak-kanak atau seseorang yang tidak dapat menjaga atau melindungi dirinya sendiri sepenuhnya disebabkan kehilangan upaya atau keadaan fizikal atau mental.	Apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan seumur hidup (30 tahun) atau dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada lima (5) tahun, dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat.

Sambung...

Sambungan..

SEKSYEN	KESALAHAN	PENALTI
15	Kesalahan mendapatkan keuntungan daripada pengeksploitasian orang yang diperdagangkan	Apabila disabitkan, hukuman penjara tidak lebih lima belas (15) tahun dan boleh dikenakan denda lima ratus ribu ringgit tetapi tidak melebihi satu juta ringgit dan boleh juga dilucuthakkan keuntungan daripada kesalahan itu
15A	Kesalahan membawa dalam transit orang yang diperdagangkan melalui Malaysia (darat, laut dan udara) atau mengatur atau memudahkan perbuatan itu dilakukan	Apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima belas (15) tahun, dan boleh juga dikenakan denda.

KESALAHAN-KESALAHAN PENYELUDUPAN MIGRAN

SEKSYEN	KESALAHAN	PENALTI
26A	Kesalahan menjalankan penyeludupan migran	Apabila disabitkan, hukuman penjara tidak lebih dua puluh (20) tahun dan boleh dikenakan denda, atau kedua-duanya.
26B	Kesalahan penyeludupan migran yang lebih berat melibatkan : (a) Berniat untuk mengeksploitasi migran yang diseludup itu selepas masukannya ke dalam negara penerima atau negara transit sama ada oleh orang itu sendiri atau oleh orang lain; (b) Memperlakukan migran yang diseludup itu dengan layanan yang kejam, tidak berperikemanusiaan atau menjatuhkan maruah; atau (c) Kelakuan orang itu menimbulkan risiko kematian atau kemudaratan yang serius terhadap migran yang diseludup itu. (d) kesalahan penyeludupan migran dilakukan oleh seorang pegawai awam dalam melaksanakan kewajipan awamnya	apabila disabitkan, dihukum dengan pemenjaraan seumur hidup (30 Tahun) atau dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun, dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat, atau kedua-duanya.

Sambung...

Sambungan..

SEKSYEN	KESALAHAN	PENALTI
26C	Kesalahan membawa dalam transit seorang migran yang diseludup menerusi Malaysia melalui darat, laut, atau udara atau selainnya mengatur atau memudahkan perbuatan itu.	Apabila disabitkan, hukuman penjara tidak lebih lima belas (15) tahun dan boleh dikenakan denda atau kedua-duanya.
26D	Kesalahan mendapatkan keuntungan daripada kesalahan penyeludupan migran	Apabila disabitkan, hukuman penjara tidak lebih lima belas (15) tahun dan boleh dikenakan denda lima ratus ribu ringgit tetapi tidak melebihi satu juta ringgit dan boleh juga dilucuthakkan keuntungan daripada kesalahan itu



MENGAPAKAH PEMERDAGANGAN ORANG SALAH DAN WAJAR DISEKAT?

- i. Melanggar hak asasi manusia selari dengan Resolusi 2388, Majlis Keselamatan, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)



- ii. Perlu dihalang kerana akan merosakkan bangsa yang bertamadun untuk terus menikmati kebebasan hidup yang sempurna.

Jenis-Jenis Perlindungan dan Bantuan Untuk Mangsa



LANGKAH PENCEGAHAN



21

LANGKAH PENCEGAHAN

Peranan Belia



Tidak merahsiakan maklumat pekerjaan dan negara destinasi daripada keluarga.



Selidik **kesahihan tawaran** pekerjaan bersama agensi yang digunakan.



Sentiasa berhati-hati dengan persekitaran terutamanya apabila berada di kawasan jenayah.



Membudayakan Nilai Kesukarelawanan :

- Menjadi pemberi maklumat atau **"Whistle-blower"** kepada agensi-agensi dan pihak berkuasa terlibat berkaitan jenayah perdagangan orang dan penyeludupan migran.
- **Melaporkan** sebarang maklumat jenayah perdagangan orang dan penyeludupan migran di aplikasi "Be My Protector".
- Menjadi **Duta** dalam meningkatkan kesedaran jenayah perdagangan orang dan penyeludupan migran di pelbagai platform media.



Memastikan sebarang tindakan yang diambil termaktub dalam peruntukan undang-undang sedia ada **tanpa mendahului** mana-mana agensi penguatkuasa yang berkaitan.



Tidak terlibat dan bersekongkol dengan perlakuan jenayah perdagangan orang dan penyeludupan migran.

LANGKAH PENCEGAHAN

Peranan Pertubuhan Belia



Membantu belia untuk ke hadapan dan **mengetengahkan potensi** yang dimiliki sebagai ejen dan penggerak kesedaran dalam masyarakat.



Melaksanakan **advokasi kesedaran** dalam kalangan ahli-ahli pertubuhan berkaitan pencegahan perlakuan jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.



Merakytakan Pertubuhan Belia agar dekat dengan masyarakat:

- Bekerjasama dengan lain-lain NGO berdaftar dalam mempertingkatkan usaha advokasi kesedaran kepada belia dan masyarakat untuk lebih cakna melalui pelaksanaan program di pelbagai peringkat.
- Bekerjasama dengan pihak kerajaan bagi mewujudkan persekitaran yang selamat dan **mesra belia** dalam membendung jenayah ini.
- Bekerjasama dengan pihak berkuasa dan agensi yang terlibat dalam meningkatkan kesedaran belia dan masyarakat berkaitan perlakuan jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.



Melaporkan sebarang maklumat jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran kepada pihak berkuasa dan agensi yang terlibat.

LANGKAH PENCEGAHAN

Peranan Kerajaan



Memantau tahap pematuhan undang-undang dan memastikan jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran dapat dibendung.



Mengawasi aktiviti media sosial, terutamanya yang melibatkan perkara atau aktiviti yang cenderung kepada berlakunya jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.



Mempergiatkan usaha meningkatkan kefahaman yang jelas kepada belia dan orang awam untuk lebih cakna berkaitan isu jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.



Memastikan ketelusan dan integriti agensi pelaksana termasuk memantau NGO yang bekerja rapat dengan pihak berkuasa dan agensi Kerajaan yang berkaitan.



Memperhebat kerjasama dengan pertubuhan belia dan lain-lain NGO dalam memberikan maklumat yang jelas berhubung jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.



Memperkasakan bidang tugas agensi penguatkuasaan.



Sentiasa **memperkukuhkan dan meningkatkan keupayaan** kawalan sempadan berdasarkan penggunaan dan perkembangan teknologi semasa.



Mempertingkatkan penglibatan aktif belia dalam program kesedaran oleh semua Kementerian dan Agensi Kerajaan di pelbagai peringkat.

PENUTUP

Belia merupakan salah satu aset serta tunjang utama kepada kemajuan dan kesejahteraan sesebuah negara. Golongan belia sememangnya boleh memainkan peranan membantu Kerajaan dalam membendung jenayah perdagangan orang dan penyeludupan migran. Jenayah perdagangan orang dan penyeludupan migran jelas memberikan kesan negatif terhadap Malaysia untuk jangka masa yang panjang. Penguatkuasaan undang-undang sedia ada serta kerjasama semua lapisan masyarakat perlu ditambah baik dari masa ke masa bagi membendung jenayah ini.

Semoga penghasilan garis panduan ini dapat memberikan maklumat dan advokasi kesedaran kepada belia bagi mengelakkan diri daripada terlibat atau menjadi mangsa jenayah perdagangan orang dan penyeludupan migran.



INGATLAH!

- ✓ BELIA BERPERANAN MEMBANTU NEGARA
MEMBANTERAS JENAYAH
PEMERDAGANGAN ORANG DAN
PENYELUDUPAN MIGRAN.
- ✓ TIADA JALAN PINTAS UNTUK
MENDAPATKAN WANG
- ✓ JAGALAH KEAMANAN DAN
BERKASIH SAYANG
- ✓ PATUHILAH UNDANG-UNDANG
KESELAMATAN NEGARA
- ✓ INGATLAH KEPADA INSAN-INSAN
TERSAYANG
- ✓ LAPORKAN SEBARANG MAKLUMAT
YANG DIKETAHUI MENGENAI
KETERLIBATAN BELIA DALAM
JENAYAH PEMERDAGANGAN
ORANG DAN PENYELUDUPAN
MIGRAN



Sekiranya anda mempunyai maklumat berkaitan perlakuan atau aktiviti jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran, sila hubungi agensi-agensi seperti berikut:



Majlis Antipemerdagangan Orang
dan Antipenyeludupan Migran

03-8000 8000

mapo_tip@moha.gov.my

<http://mapo.bernama.com>



Polis Diraja Malaysia

03-2266 2222



Agensi Penguatkuasaan Maritim
Malaysia

03-8995 7000



Jabatan Kastam Diraja Malaysia

03-8882 2100

03-8882 2300



JABATAN TENAGA KERJA

Jabatan Tenaga Kerja

03-8886 5192



Jabatan Imigresen Malaysia

03-8880 1427

03-8880 1005

PENGHARGAAN

Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan Buku Garis Panduan Belia : Membanteras Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran.

Peserta Bengkel Garis Panduan Belia Membanteras Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (23-25 November 2021) Olimpik Hotel Kuala Lumpur:

- Majlis Antipemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran (MAPO)
- Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)
- Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)
- Jabatan Peguam Negara (AGC)
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)
- Jabatan Tenaga Kerja (JTK)
- Majlis Belia Malaysia (MBM)
- Alumni Parlimen Belia Malaysia (APBM)
- Felo Perdana

Editor

Dr. Zainah binti Shariff

Mohd Uzaini bin Mohamad Sani

Lt. Mohd Hisyam bin Sah Nuddin TLDM (B)

Penulis

Muhammad Izzat bin Zahari

Siti Nurulain binti Md Sobri

Ahmed Akmal bin Abdull Wahid

Mohd Najib bin Abu Samah

Mohd Nazrin Faiz bin Che Abd Aziz

Nur Fadilah binti Mohamad

Nurul Huda binti Azaman

Mohd Akmal Adha bin Mohd Sanusi

Pereka Grafik

Faisal Rahman

Ex Officio

Pejabat Strategik Nasional

Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO)

Kementerian Dalam Negeri

Syuhaida binti Abdul Wahab Zen

Mohd Fadhley bin Ali

Diana Sim Siew Geok

Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, KBS

Syafik Afzan bin Abu Kasim

Musyrifah binti Elias

Sakthi Eswari a/p Kumareson

Sarah Maria Izuma binti Saruji@Mohd Wahi



Jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran merupakan isu global yang hangat diperdebatkan di seluruh dunia. Konflik permasalahan ini berada di tahap yang membimbangkan dan menuntut keprihatinan serta kerjasama semua pihak merentasi elemen penguatkuasaan tempatan dan juga antarabangsa. Pelbagai usaha dan pendekatan telah diambil oleh pelbagai pihak termasuk usaha-usaha kerajaan Malaysia dalam membendung dan menangani permasalahan ini.

Merujuk kepada konteks jenayah pemerdagangan orang, Malaysia dianggap sebagai negara destinasi dan transit bagi aktiviti pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Malaysia sering dijadikan sebagai negara destinasi kerana perkembangan ekonominya yang pesat di samping kemakmuran yang dikecapi. Sehubungan itu, jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan migran ini memberikan kesan secara langsung kepada aspek keselamatan negara.